

Ikmal impi emas berganda

BERITA HARIAN 10/9/18 M/S 61

Johor Bahru: Selepas sekadar meraih gangsa dalam acara double baling padang pada Sukan Malaysia (SUKMA) Sarawak 2016, Mohamad Ikmal Imran Rosli kini mahu mencipta sejarah menggapai emas dalam acara itu pada temasya di Perak.

Atlet baling padang Johor itu yakin, dia kini sudah mempunyai cukup pengalaman selepas beraksi dalam tiga temasya sejak 2012, sebelum turun beraksi di Kompleks Sukan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI), bermula 12 hingga 21 Septem-

ber ini. Dia sekali lagi akan bergandingan dengan Mohd Saifudin Zulkifli dan akan berusaha mempamerkan aksi terbaik memburu pingat emas, walaupun terpaksa berlatih di gelanggang baling padang yang uzur di Kompleks Belia Sukan di Larkin.

"Walaupun berdepan dengan kesukaran berlatih kerana fasiliti pusat latihan yang tidak serba lengkap, namun itu bukan alasan untuk menyerlah.

"Kami akan menggunakan se-

gala kudrat yang sedia ada untuk mempamerkan aksi terbaik bagi memperjuangkan sukan baling padang sekali gus mengharumkan nama Johor dengan kilauan emas.

Tidak boleh kecewa

"Saya mewakili Johor sejak SUKMA Pahang 2012 dan tidak boleh lagi kecewa kerana segala latihan dan pengalaman ketika bertanding akan digunakan sepenuhnya untuk mencipta kejayaan," katanya.

Selain menyertai acara double, dia juga akan beraksi dalam

acara single.

boling padang pada Sukan Malaysia (SUKMA) Sarawak 2016, Mohamad Ikmal berterima kasih kepada jurulatihnya iaitu Mohd Madithi Ramli yang banyak meningkatkan prestasinya.

"Apa yang diutamakan oleh jurulatih adalah persediaan mental, kerana kami akan berdepan dengan atlet dari Terengganu dan tuan rumah, Perak yang memiliki kekuatan tersendiri dalam acara itu," kata Mohamad Ikmal.

Oleh Rizar Mohd Noor



Mohamad Ikmal Imran